



## SYARAT PENGUNAAN LOGO

Semua loji yang telah dibenarkan menggunakan logo, tertakluk kepada syarat berikut:

- Logo boleh dicetak pada label / pembungkusan keluaran yang diluluskan sahaja (keluaran yang didaftarkan semasa permohonan).
- Contoh pembungkusan mengikut saiz sebenar yang bercetak dengan logo atau dalam bentuk gambar hendaklah dihantar ke JPV sebagai bukti penggunaannya.
- Pengurusan loji yang telah diluluskan bersetuju membenarkan pegawai JPV menjalankan pemeriksaan "surveillance" dan "review" audit serta mengambil sampel untuk ujian makmal. Segala perubahan dalam pengurusan, loji dan pemrosesan hendaklah dimaklumkan kepada JPV dalam jangka masa 30 hari.

## FAEDAH SKIM KEPADA PENGGUNA

- Tahap keselamatan makanan (Food safety) kepada pengguna lebih terjamin.
- Sumbangan ketara ke arah mempertingkatkan Kesihatan Awam.
- Kepelbagaian keluaran yang selamat untuk makanan manusia.
- Kepentingan dan kesihatan pengguna dilindungi secara berterusan oleh kerajaan.

### Sebarang Pertanyaan Sila Hubungi:

Bahagian Diagnostik & Kepastian Kualiti  
Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar  
Wisma Tani, Blok Podium 1A,  
Lot 4G1, Aras 2, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62630 PUTRAJAYA  
Tel : 03-8870 2024 Fax : 03-8888 5755  
Website : <http://www.dvs.gov.my>

# VHM



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
MALAYSIA



## PENGENALAN DAN KEPERLUAN SKIM PENSIJILAN VHM

- Program Pemeriksaan dan Pensijilan Veterinar telah diwujudkan sejak dari tahun 1980-an lagi bagi memperkemas sistem pengesahan dan pensijilan Veterinar bagi penghasilan temakan dan ayam untuk tujuan eksport.
- Di bawah program ini semua loji yang telah dilawati dan dipastikan keselamatan produk yang dihasilkan dan dianugerahkan logo VHM (Veterinary Health Mark) akan dipantau dari semasa ke semasa.
- Logo VHM telah diklasifikasikan sebagai "Certification Trade Mark" (Class 16, 29, 30 and 44) dibawah "Trade Marks Regulation 1997"/ "Trade Marks Act 1976".
- Logo "Veterinary Health Mark" merupakan lambang kualiti yang dianugerahkan kepada loji-loji pemprosesan hasil temakan di bawah program Pemeriksaan dan Pensijilan Veterinar Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.
- Logo juga menandakan bahawa loji-loji berkenaan telah akur sepenuhnya kepada syarat keperluan Piawaian Minima "Hygiene and Sanitation", "Quality Assurance and Food Safety" yang ditetapkan oleh JPV dan dipastikan melalui proses pemeriksaan loji dengan penekanan kepada "Food Safety and Quality System" serta "Good Manufacturing Practice Program".
- Loji yang telah dianugerahkan logo VHM dibenarkan mencetak logo di label atau pembungkus produk yang didaftarkan sahaja.
- Loji-loji berminat untuk menyertai program ini hendaklah memohon dengan menggunakan borang khas yang boleh dimuat turun melalui internet atau didapati di Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Maklumat berikut dipertukan:

- Profil Loji Pemprosesan
- Program Kepastian Kualiti

### Manual Kualiti

- a) Polisi Kualiti
- b) Kenyataan Kualiti

### Amalan Pengeluaran Baik

- a) Premis dan Lokasi
- b) Kakitangan dan Latihan
- c) Kelengkapan dan Pembekal
- d) Peralatan dan Sanitasi
- e) Kawalan Makhluk Perosak
- f) Program Panggil Semula

### Program Prasyarat

- a) Kawalan Bahan Mentah
- b) Kawalan Sanitasi
- c) Prosedur Operasi Tetap
- d) Pengangkutan dan Penyimpanan
- e) Rekod dan Dokumentasi
- f) Prosedur Uji Periksa
- g) Prosedur Makmal
- Pelan Tindakan "Hazard Analysis and Critical Control Point" HACCP
  - a) Dokumentasi
  - b) Rekod
- Laporan Audit Dalaman dan Luaran
  - a) Audit HACCP Loji
  - b) Audit GMP

## FAEDAH SKIM KEPADA PENGELUAR

- Loji pemprosesan mendapat kawalselia pihak berkuasa berkelayakan berterusan, iaitu Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia.
- Keluaran dari loji yang diiktiraf mempunyai daya saing yang lebih tinggi dari segi peluang pasaran dan pemasaran.
- Keluaran yang dihasilkan mewujudkan tahap keyakinan tinggi dari segi "Hygiene" dan keselamatan makanan.
- Petunjuk yang baik kepada tahap pengurusan loji.
- Peningkatan keyakinan pembeli terhadap keluaran loji yang diiktiraf.
- Permohonan untuk memasuki pasaran luar negara dapat dipermudahkan. Dokumen eksport diproses dengan segera dalam tiga hari bekerja oleh JPV selepas permohonan di terima.
- Buat masa ini tiada sebarang bayaran dikenakan ke atas perkhidmatan berkenaan. Walaubagaimanapun, kerajaan mempunyai hak untuk mengenakan bayaran yang relevan dan berpatutan ke atas semua jenis perkhidmatan yang dibekalkan.

